



Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar... pejuang dan pengasas UMNO

Kerajaan Digesa Beri Anugerah Tertinggi Kepada Dato' Onn Jaafar

Oleh: WAR1AWAN ERA BARU

K E R A J A A N Malaysia dan UMNO digesa mengenang jasa-jasa, sumbangan dan perjuangan allahyarham Dato' Onn bin Jaafar sebagai seorang pejuang dan pengasas 'UMNO dengan diberi penghargaan yang tertinggi seperti gelaran 'Tun' pangkat pertama kepada tokoh Melayu yang tidak asing lagi itu.

Keputusan ini telah dibincang dan dicapai dalam Mesyuarat Agung pertama Veteran UMNO Malaysia yang berlangsung pada 18 dan 19 Meidi Ipoh. Perak baru-baru ini. Itu adalah salah satu daripada ketetapan yang diluluskan oleh Veteran UMNO Malaysia setelah bersidang buat pertama kalinya setelah sayap baru UMNO itu dirasmikan penubuhannya oleh Presiden UMNO Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sebelum itu, wakil Veteran UMNO dari Johor Dato' Jaafar bin Hamzah telah mencadangkan supaya jasa bakti allahyarham Dato' Onn Jaafar dikenang dan dirakam dengan penganugerahan yang tinggi dan sering dengan peranan penting yang dimainkan beliau seperti menyatupadukan orang-orang Melayu termasuk Raja-raja Melayu supaya menentang konsep Malyan Union yang cuba dipaksa ke atas orang-orang Melayu ketika itu.

Bermula dengan titik-titik perjuangan Dato' Onn itulah yang telah berjaya menyelamatkan kedudukan orang-orang Melayu dan Raja-raja Melayu apabila beliau menolak mentah-mentah cadangan pihak British itu.

Sementara itu orang ramai yang ditemui bersetuju benar kepada cadangan tersebut kerana sepatutnya pejuang Melayu telah diberi pengiktirafan lamadulu, tetapi tidak ada pihak yang mencadangkan apa-apa sehingga Veteran UMNO membuat desakan. Bagi mengenang jasa bakti Dato' Onn kepada orang Melayu.